

23/06/2001

Dr M nafi arah MCA beli akhbar

uri Tuan Ismail dan Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan beliau pernah mengarahkan MCA membeli dua akhbar Cina, Nanyang Siang Pau dan China Press.

Perdana Menteri menjelaskan, MCA bertanyakan pendapatnya untuk membeli dua akhbar itu dan beliau hanya mengiyakan.

"MCA tanya saya untuk membeli dua akhbar berkenaan dan saya kata, ya. Jika saya kata MCA beli dua akhbar itu, barulah itu dianggap sebagai arahan.

"Apa saja kenyataan saya akan disalahtafsirkan oleh mereka yang tidak sukakan saya.. cara apa pun untuk menjejaskan imej saya," katanya dalam sidang akhbar pada hari kedua Perhimpunan Agung Umno.

Laporan beberapa akhbar Cina dan tabloid Inggeris semalam memberi gambaran seolah-olah Perdana Menteri memberi arahan kepada MCA supaya mengambil alih dua akhbar itu.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak berhak menghalang mana-mana pihak daripada membeli apa saja yang mereka hendak beli. Tiada juga undang-undang untuk menghalang MCA daripada membeli akhbar.

"Apabila MCA bertanya saya sama ada mereka boleh membeli syarikat akhbar, jawapan saya adalah, ya kamu boleh beli. Begitu juga dengan parti politik lain. Gerakan boleh beli surat khabar jika mereka mahu.

"Jika Umno mempunyai surat khabar dan tiada siapa yang membantah, mengapa tidak MCA. DAP juga ada surat khabar, begitu juga Pas yang mempunyai Harakah yang menyalahi undang-undang tetapi diedarkan di seluruh negara. Tiada siapa yang membantah," katanya.

Perdana Menteri berkata, tidak ada sebarang alasan mengapa beliau patut memberitahu MCA supaya tidak membeli akhbar berkenaan.

"Bagaimana saya hendak tahu masyarakat Cina akan membantah sebuah parti politik membeli akhbar Cina, apabila masyarakat Melayu tidak membantah sebuah parti Melayu membeli syarikat akhbar.

"Kita tidak boleh melayan masyarakat Cina berbeza dengan masyarakat Melayu. Sepatutnya semuanya sama saja," katanya.

(END)